

## PEMILIHAN TABUNG AMANAH KHAS & TABUNG AMANAH ZAKAT UniMAP

Pemberian bantuan melalui Tabung Amanah Khas dan Tabung Amanah Zakat telahpun diluluskan dan dipersetujui oleh Y.Bhg Naib Canselor UniMAP melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Tabung Amanah Khas/ Zakat kali ke-9 dan kali ke-10 yang telah bermesyuarat pada 5 Ogos 2011 dan 13 Oktober 2011 yang lalu.

Berdasarkan kepada kelulusan yang dibuat seramai 31 orang telahpun diperakukan untuk menerima bantuan melalui peruntukan Tabung Amanah Zakat sebanyak RM17,000.00. Manakala seramai 76 orang pelajar lagi telah diperakukan layak bagi menerima bantuan Tabung Amanah Khas melibatkan kelulusan peruntukan sebanyak RM22,800.00.

Unit Pinjaman dan Kebajikan menyeru kepada semua pelajar yang menghadapi masalah kewangan serta memerlukan bantuan supaya tampil untuk dibantu. Secara keseluruhannya dari Januari sehingga Oktober 2011 sahaja, seramai 248 orang pelajar telah menerima bantuan melalui Tabung Amanah Khas dengan jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM73,600.00 dan seramai 62 pelajar pula telah diluluskan untuk menerima bantuan melalui Tabung Amanah Zakat berjumlah RM 32,400.00.